

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis Panduan ini menerangkan tatacara pendaftaran pembekal dan produk bekalan air selaras dengan fungsi dan tugas Pihak Berkuasa Air Negeri di bawah Seksyen 7(1)(d), Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 iaitu menjalankan fungsi kawalseliaan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Enakmen ini dan peraturan- peraturan yang dibuat.
- 1.2. Produk merujuk kepada produk sistem bekalan air seperti paip, pam, meter air dan lain-lain. Pendaftaran hendaklah dibuat sebelum sebarang produk boleh digunakan dalam sistem bekalan air.
- 1.3. Pembekal merujuk kepada pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu produk, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan produk tersebut kepada pengguna, tetapi tidak termasuk peruncit di bawahnya.
- 1.4. Jawatankuasa merujuk kepada Jawatankuasa Pendaftaran Pembekal dan Produk Bekalan Air Negeri Sabah yang terdiri daripada Pengarah, semua Timbalan Pengarah dan semua Ketua Penolong Pengarah.
- 1.5. Pembekal yang membekalkan produk dalam sistem bekalan air, dikehendaki untuk membuat pendaftaran dengan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).
- 1.6. Pendaftaran produk adalah berdasarkan kategori-kategori berikut:
 - Kategori A** : Mempunyai spesifikasi teknikal piawaian antarabangsa atau piawaian Malaysia yang setaraf dan dikeluarkan oleh badan persijilan Malaysia yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia.
 - Kategori B** : Mempunyai Laporan Pengujian (*Test Report*) dikeluarkan oleh badan persijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia dan hendaklah sah dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh laporan dikeluarkan.
 - Kategori C** : Bagi produk yang tidak mempunyai spesifikasi, merupakan teknologi baharu dan pertama kali digunakan, pembekal dikehendaki untuk menjalankan proses pembuktian konsep (*proof of concept*) dan keupayaannya menerusi Projek Perintis. Pembekal hendaklah melantik satu badan penilai yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai badan bebas untuk menyelia Projek Perintis.

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

2. TATACARA PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK

2.1. Permohonan

- 2.1.1. Permohonan hendaklah dibuat secara rasmi melalui Surat Permohonan Pendaftaran Pembekal dan Produk melalui Emel: jans.hq@sabah.gov.my
- 2.1.2. Dokumen-dokumen sokongan hendaklah dilampirkan bersama surat permohonan tersebut melalui surat dan emel (format PDF) seperti berikut:
 - (a) Borang PPP1 (Borang Permohonan Pendaftaran Pembekal Dan Produk Bekalan Air;
 - (b) Surat Permohonan Rasmi daripada pembekal kepada Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah;
 - (c) Salinan Sijil/Surat Kelulusan/Perakuan Pendaftaran dari JANS bagi permohonan untuk pembaharuan pendaftaran;
 - (d) Salinan Lesen Persijilan oleh Badan Persijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia seperti SIRIM/IKRAM dan lain-lain;
 - (e) Surat Pelantikan pembekal dari Syarikat Prinsipal/Pemilik Produk (sebagai ejen ataupun pengedar sah);
 - (f) Senarai Rujukan Projek atau Rekod Prestasi Produk;
 - (g) Salinan surat pengesahan dan rekomendasi daripada pihak yang pernah menggunakan produk, jika ada;
 - (h) Katalog dan Brosur;
 - (i) Senarai Harga Semasa bagi produk;
 - (j) Penerangan ringkas mengenai fungsi, faedah dan kelebihan produk;
 - (k) Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures*) untuk pengendalian produk dari kilang, termasuk penyimpanan di lokasi seperti yang diarahkan; dan
 - (l) Program Pemantauan Prestasi Produk.

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

2.2. Proses Pendaftaran Produk Baharu

- 2.2.1. Satu sesi pembentangan taklimat mengenai produk akan diadakan. Pembekal akan dijemput untuk menghadiri sesi tersebut bagi memperkenalkan produk mereka.
- 2.2.2. Sesi taklimat ini akan dihadiri oleh Jawatankuasa Pendaftaran Pembekal dan Produk Bekalan Air Negeri Sabah.
- 2.2.3. JANS berhak untuk mengadakan lawatan kilang atau menjalankan penyiasatan produk tertentu sekiranya diperlukan.

2.3. Kelulusan

- 2.3.1. Kelulusan pendaftaran pembekal dan produk akan dibuat oleh Pengarah JANS.

2.4. Perakuan Pendaftaran

- 2.4.1. Satu Perakuan Pendaftaran akan dikeluarkan kepada pembekal bagi memperakukan pendaftaran produk mereka dan akan dimuat naik ke dalam laman web rasmi JANS.

2.5. Tempoh Sah Laku Pendaftaran

- 2.5.1. Melainkan Perakuan Pendaftaran dibatalkan oleh JANS sebelum tarikh tamat tempoh sah laku, Perakuan Pendaftaran ini sah sehingga tarikh tamat tempoh tersebut.
- 2.5.2. Setiap produk berdaftar akan dipamerkan di dalam laman web rasmi JANS sehingga tarikh tamat sah laku.

2.6. Pembaharuan Perakuan

- 2.6.1. Bagi mengekalkan pendaftaran, pembekal hendaklah mengemukakan pembaharuan pendaftaran produk enam (6) bulan sebelum tarikh luput. Kegagalan untuk melengkapkan proses pembaharuan sebelum enam (6) bulan daripada tarikh tamat tempoh, akan mengakibatkan perakuan pendaftaran luput dan perubahan status kepada permohonan baharu.

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

2.6.2. Produk akan dikeluarkan dari senarai selepas tarikh tamat tempoh perakuan.

2.6.3. Pembekal boleh diminta untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa sekiranya jawatankuasa menerima sebarang aduan mengenai prestasi pembekal dan produk.

2.6.4. JANS berhak untuk membatalkan perakuan.

2.7. Penggantungan atau Pembatalan Perakuan Pendaftaran

2.7.1. Notis bertulis boleh dikeluarkan untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran kepada pembekal jika:

- (a) Ia gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh JANS;
- (b) Sijil produk untuk produk dibatalkan atau digantung oleh badan persijilan;
- (c) Jawatankuasa menerima sebarang aduan mengenai pembekal atau produk, siasatan akan dijalankan sebelum pengeluaran notis tersebut;
- (d) Maklumat, data, dokumen atau sijil produk oleh badan persijilan yang diberikan kepada JANS didapati tersilap;
- (e) Ia tidak lagi menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan produk yang didaftarkan; atau
- (f) Ia telah diisytiharkan sebagai bankrap.

2.7.2. JANS mungkin memerlukan pembekal untuk menggantung pembekalan produk sementara menunggu keputusan penggantungan atau pembatalan dari tarikh notis.

2.7.3. Pembekal tidak berhak mendapat sebarang bentuk pampasan daripada JANS untuk sebarang kerugian yang disebabkan oleh pembekal akibat penggantungan atau pembatalan di bawah garis panduan ini.

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

2.8. Pemindahan Perakuan Pendaftaran

2.8.1. Pendaftaran adalah peribadi kepada pembekal dan tidak boleh diserahkan atau dipindahkan kepada mana-mana pihak lain.

3. PENGGUNAAN LOGO JANS

- 3.1. Penggunaan logo JANS pada produk atau bahan pemasaran adalah tidak dibenarkan.
- 3.2. Walau bagaimanapun, pembekal boleh memetik “produk berdaftar dengan JANS (nyatakan nombor perakuan pendaftaran)” pada bahan pemasaran.
- 3.3. Pernyataan yang bermaksud bahawa produk itu "diperakui JANS" atau "diluluskan JANS" adalah tidak dibenarkan.
- 3.4. JANS berhak untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran dan mengambil tindakan undang-undang jika pembekal masih menggunakan logo selepas dimaklumkan.

4. MAKLUMAT PALSU ATAU KENYATAAN MENGELIRUKAN


- 4.1. JANS berhak untuk tidak memproses permohonan atau membatalkan pendaftaran jika dipercayai maklumat palsu atau mengelirukan diberikan oleh pembekal.

5. PERTANYAAN

- 5.1. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pendaftaran produk, sila hubungi Emel : jans.hq@sabah.gov.my atau telefon : 088-232364.

	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

6. CARTA ALIR PENDAFTARAN PRODUK BAHARU



	GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN PRODUK BEKALAN AIR	Reference	JANS/GP/PPPBA
		Version	1
		Revision	-
		Issue Date	27/05/2024

7. CARTA ALIR PEMBAHARUAN PRODUK

